Halimah bte Abdullah dan Satu lagi (menuntut sebagai ibu bapa yang sah kepada Abd Razak bin Sulong, si mati) & Yang lain lwn Yusof bin Darus

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — RAYUAN SIVIL NO 12–17 TAHUN 1997
ARIFIN ZAKARIA H
7 OKTOBER 1997

Tort *— Kecuaian — Kemalangan jalanraya — Kemalangan maut di antara motor treler dengan motor pajero — Sama ada kedudukan kenderaan selepas kemalangan boleh diambilkira dalam menentukan kedudukan dan kelajuan kenderaan — Sama ada plaintif telah membuktikan kesnya di atas imbangan kebarangkalian*

Lalu Lintas Jalan *— Kecuaian — Kemalangan maut di antara motor treler dengan motor pajero — Sama ada kedudukan kenderaan selepas kemalangan boleh diambilkira dalam menentukan kedudukan dan kelajuan kenderaan — Sama ada plaintif telah membuktikan kesnya di atas imbangan kebarangkalian*

Tuntutan perayu ('plaintif') terbit daripada satu kemalangan jalan raya yang berlaku di antara motor pajero dengan motor treler yang dipandu oleh defendan. Mengikut keterangan defendan yang tidak dipertikaikan oleh pihak plaintif, pada masa yang material beliau sedang memandu motor trelernya dari arah Gua Musang ke Kuala Krai dan motor pajero datang dari arah yang bertentangan. Pada masa tersebut, motor treler sedang mendaki bukit dan motor pajero telah menghala masuk secara tidak terkawal ke jalan motor treler, menuju ke bahu jalan sebelah kiri motor treler. Defendan cuba elak ke kanan tetapi motor pajero telah melanggar bahagian sebelah kiri motor treler. Peguam plaintif berhujah bahawa kedudukan kenderaan selepas kemalangan tidak boleh membantu mahkamah di dalam menentukan bagaimana kemalangan telah berlaku. Berdasarkan fakta-fakta kes, hakim sesyen telah menolak tuntutan plaintif dengan kos. Plaintif merayu.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Di dalam kes ini, berdasarkan fakta kes, kedudukan kenderaan selepas kemalangan seharusnya tidak boleh diketepikan di dalam menentukan kedudukan dan kelajuan kenderaan sebaik sahaja sebelum kemalangan berlaku (lihat ms 739I dan 740A); *Foong Nan v Sagadevan* [1971] 2 MLJ 24 dibeza.

(2) Fakta-fakta kes, termasuk kedudukan kenderaan dan kerosakan-kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan adalah selaras dengan cerita defendan tentang bagaimana perlanggaran telah berlaku. Juga, daripada kerosakan yang dialami oleh motor pajero,

tidak dinafikan bahawa pada masa perlanggaran berlaku ia sedang dipandu dengan begitu laju sekali di dalam keadaan jalan yang menurun. Ini menyokong cerita defendan yang motor pajero itu di dalam keadaan yang tidak terkawal sebaik sahaja sebelum kemalangan berlaku. Maka, keputusan hakim sesyen bahawa di dalam keadaan kes ini pihak plaintif telah gagal membuktikan kesnya di atas imbangan kebarangkalian adalah tepat. Di dalam kes tuntutan yang berdasarkan kepada kecuaian defendan, tidak harus dilupakan bahawa beban pembuktian adalah senantiasa terletak kepada plaintif untuk membuktikan bahawa defendan telah berlaku cuai. Oleh itu, keputusan hakim sesyen bahawa cerita defendan adalah 'lebih berkemungkinan atau ia adalah apa sebenarnya berlaku' tidak seharusnya diganggu oleh mahkamah ini (lihat ms 741I, 742A–B, I dan 743A); *Commercial Uion Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung & another appeal* [1997] 2 MLJ 465 diikut.

[**English summary**

The appellant's ('the plaintiff') claim arose from a road accident which occurred between a motor pajero and a motor trailer driven by the defendant. According to the defendant's evidence which was not challenged by the plaintiff, at the material time he was driving his motor trailer from the direction of Gua Musang to Kuala Krai and the motor pajero was coming from the opposite direction. At that time, the motor trailer was making its way up a hill and the motor pajero had encroached into the path of the motor trailer, heading towards the road shoulder to the left of the motor trailer. The defendant tried to veer to the right but the motor pajero collided into the left side of the motor trailer. Counsel for the plaintiff submitted that the position of the vehicles after the accident could not assist the court in deciding how the accident had occurred. Based on the facts of the case, the sessions judge dismissed the plaintiff's claim with costs. The plaintiff appealed.

Held, dismissing the appeal:

(1) In this case, based on the facts of the case, the position of the vehicles after the accident should not be ignored in deciding the position and speed immediately prior to the accident (see pp 739I and 740A); *Foong Nan v Sagadevan* [1971] 2 MLJ 24 distinguished.

(2) The facts of the case, including the positions of the vehicles and damage suffered by both vehicles, were consonant with the defendant's version of how the collision had taken place. Also, from the damage suffered by the motor pajero, it was not denied that at the time of the collision it was driven at high speed on a

descending road. This corroborated the defendant's account that the motor pajero was in an uncontrollable state immediately prior to the accident. Therefore, the decision of the sessions judge that in the circumstances of this case the plaintiff had failed to prove his case on a balance of probabilities was correct. In cases of claim based on the defendant's negligence, it should be borne in mind that the burden of proof always lies with the plaintiff to prove that the defendant had acted negligently. Hence, the decision of the sessions judge that the defendant's account was 'more probable or was what actually transpired' should not be disturbed by this court (see pp 741I, 742A–B, I and 743A); *Commercial Uion Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung & another appeal* [1997] 2 MLJ 465 followed.]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai kemalangan jalanraya, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 621–826.

Kes yang dirujuk

Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung & another appeal [1997] 2 MLJ 465 (diikut)

Foong Nan v Sagadevan [1971] 2 MLJ 24 (dibeza)

Loh Chee Keong v Syarikat Bee Huat Sdn Bhd & Anor [1982] 2 MLJ 184 (dirujuk)

Ng Chui Sia v Maimon bte Ali [1983] 1 MLJ 110 (dirujuk)

Yahaya bin Mat & Anor v Abdul Rahman bin Abu [1982] 1 MLJ 202 (dirujuk)

Brijnandan Singh Bhar (*Brijnandan Singh Bhar & Co*) bagi pihak perayu.
Wong Yam Kah (*Wong Yam Kah & Co*) bagi pihak penentang.

Arifin Zakaria H: Ini adalah rayuan terhadap keputusan hakim sesyen yang telah menolak tuntutan plaintif-plaintif/perayu-perayu ('plaintif') dengan kos. Seterusnya, saya telah menolak rayuan mereka itu. Ini adalah alasan-alasan saya di dalam membuat keputusan tersebut.

Tuntutan ini terbit daripada satu kemalangan jalan raya yang berlaku pada 14 September 1996 jam lebih kurang 10.50 malam di Km 63, Jalan Gua Musang-Kuala Krai di antara motor pajero No WEF 2019 yang dipandu oleh Abd Razak bin Sulong ('si mati') dengan motor treler yang dipandu oleh defendan. Di dalam kejadian tersebut, pemandu motor pajero dan isterinya Norwati bte Zakaria telah meninggal dunia, manakala anak-anak mereka iaitu plaintif kelima, keenam dan ketujuh telah mengalami kecederaan.

Mengikut keterangan defendan (SD1), yang tidak dipertikaikan oleh pihak plaintif, pada masa yang material beliau sedang memandu motor trelernya dari arah Gua Musang ke Kula Krai dan motor pajero datang dari arah yang bertentangan.

Di dalam keterangannya, defendan menceritakan bagaimana kejadian berlaku, katanya:

> Semasa mendaki naik perlahan-lahan tak boleh naik lajak. Motor pajero datang dari Kuala Krai. Saya nampak dia menuju hala saya masuk ke jalan saya, tuju kepada saya.
>
> Selepas saya beri hon, dia menuju ke bahu jalan belah kiri saya. Lepas itu, dia naik balik atas kaki lima, lebih kurang satu kaki, saya cuba elak ke kanan, tak sempat elak lori sudah kena.
>
> Saya cuba elak ke kanan, belum sempat masuk ke kanan lagi jalan itu luas. Motor pajero langgar bahagian belah kiri tentang dengan tayar depan.
>
> Lepas itu, lori saya terbabas ke kiri. Motor pajero berguling terus masuk bawah lori saya.

SD2, kelindan motor treler di dalam keterangannya menyatakan dia tidak nampak bagaimana kejadian berlaku.

Tidak ada saksi-saksi lain yang melihat kejadian pada malam itu. Di dalam kes ini, defendan seorang sahaja yang dapat menceritakan kepada mahkamah bagaimana kejadian itu berlaku. Selain daripada keterangan defendan, mahkamah terpaksa bergantung kepada keterangan-keterangan lain seperti rajah kasar serta gambar-gambar.

Saksi penting plaintif ialah pegawai penyiasat (SP1). Beliau telah menyediakan rajah kasar (P1) dan kunci (P1-K). Dalam keterangannya, SP1 menyatakan bahawa beliau sampai ke tempat kejadian pada jam lebih kurang 12.50 pagi 15 September 1996 dan beliau mendapati kawasan itu memang gelap. SP1 mendapati kedua-dua motor treler dan motor pajero berada di pertengahan jalan sebelah kiri jalan arah Gua Musang ke Kuala Krai. Ini bermakna di sebelah hak laluan motor treler.

Peguam plaintif menghujahkan bahawa kedudukan kenderaan selepas kemalangan tidak boleh membantu mahkamah di dalam menentukan bagaimana kemalangan telah berlaku. Beliau memetik kata-kata Ong HB (Malaya) di dalam kes *Foong Nan v Sagadevan* [1971] 2 MLJ 24 di ms 25:

> In my view, the position of the vehicles after the accident can afford absolutely no clue, in this case, to their respective positions on the road immediately before or at the moment of collision. The vehicles could not have instantly stopped dead upon impact, but the heavier vehicle must by its greater momentum have pushed the lighter one backwards.

Jika diperhatikan, Ong HB (Malaya) di dalam kes itu menghadkan kata-katanya kepada keadaan di dalam kes itu sahaja dan tidak bermaksud untuk membuat satu kenyataan umum bahawa dalam semua keadaan kedudukan kenderaan-kenderaan selepas kemalangan tidak boleh diambil kira langsung. Saya berpendapat tertakluk fakta masing-masing kedudukan kenderaan selepas kemalangan boleh dan harus diambil kira umpamanya untuk menunjukkan kelajuan kenderaan itu sebaik sahaja sebelum atau semasa kemalangan berlaku. Di dalam keadaan kes kita ini, kedudukan kenderaan selepas kemalangan seharusnya tidak boleh diketepikan di dalam menentukan kedudukan dan kelajuan kenderaan sebaik sahaja sebelum

kemalangan berlaku. Ini memandangkan kepada fakta bahawa mengikut keterangan defendan yang disahkan oleh SP1, keadaan jalan di masa kemalangan berlaku ialah lurus dan mendaki secara landai dari arah Gua Musang hala ke Kuala Krai. Ini bererti bahawa sesebuah kenderaan seperti motor treler defendan dengan muatan penuh tidak mungkin boleh berjalan dengan laju. Ini dapat diperhatikan daripada pengalaman kita semasa menggunakan jalan di mana semasa mendaki, kenderaan berat biasanya tidak boleh bergerak dengan laju. Begitu juga di dalam kes ini di mana dapat diperhatikan bahawa motor treler semasa kejadian adalah penuh dangan muatan dan di dalam keadaan mendaki, jadi tidak mungkin ia boleh bergerak dengan lajunya. Di dalam keadaan sedemikian, besar kemungkinannya juga ia tidak bergerak jauh selepas kemalangan berlaku.

Mengikut SP1 lagi, terdapat kesan pecahan kaca dan plastik di tempat bertanda 'F' di dalam P1 iaitu di sebelah laluan motor pajero dan juga kesan brek yang ditanda 'E'. Peguam plaintif menghujahkan, berdasarkan kepada kesan-kesan tersebut, maka besar kemungkinannya perlanggaran berlaku di tempat bertanda 'F'. Beliau merujuk mahkamah kepada kes-kes *Yahaya bin Mat & Anor v Abdul Rahman bin Abu* [1982] 1 MLJ 202 dan *Loh Chee Keong v Syarikat Bee Huat Sdn Bhd & Anor* [1982] 2 MLJ 184. Di dalam kes *Yahya bin Mat & Anor v Abdul Rahman bin Abu*, Abdoolcader H (pada masa itu) di dalam penghakimannya ada menyatakan (di ms 203):

> The windshield of the taxi however was not broken but only its off side headlamp was and this would make some considerable difference to the conclusion he reached on the importance of the position where the glass was found *as pieces of glass from the broken headlamp would probably fall almost at the point of impact.* (Penekanan ditambah.)

Peguam plaintif telah memberi tekanan kepada pandangan Abdoolcader H seperti yang digariskan oleh saya.

Semasa disoal balas, defendan menyatakan dia setuju dengan tanda 'F' pada P1 dan apabila ditanya tentang kehadiran kesan kaca di kanan jalan laluannya, defendan menyatakan:

> 'F' lampu motor treler terpelanting.
> Nampak lampu terpelanting.
> — Nampak.
> Cadangkan bukan kaca dari lampu tapi cermin dan badan-badan.
> — tak setuju, lampu pun ada plastik.

Saya berpendapat di dalam keadaan kes ini, kedudukan kaca yang ditanda 'F' pada P1 tidak boleh menunjukkan secara muktamad bahawa perlanggaran berlaku di tempat bertanda 'F'. Sekiranya benar seperti yang diandaikan oleh peguam plaintif bahawa tempat perlanggaran ialah tempat bertanda 'F', in bererti bahawa selepas perlanggaran motor pajero telah diserek oleh motor treler di atas jalan dari 'F' ke tepi gigi jalan seperti yang ditunjukkan di dalam P1. Jika dilihat pada P1 pula, tidak terdapat apa-apa kesan calar di atas jalan atau kesan-kesan lain yang menunjukkan sedemikian. Di dalam keadaan motor pajero yang terbalik dengan tayarnya

keempat-empat ke atas, sudah pasti akan terdapat kesan calar atau kesan lain di atas jalan jika motor pajero telah diserek oleh motor treler seperti yang dikatakan oleh peguam plaintif. Di dalam keadaan kes ini, saya bersetuju dengan dapatan fakta hakim sesyen bahawa tanda pecahan kaca 'F' tidak boleh digunakan bagi menentukan di mana sebenarnya perlanggaran telah berlaku.

Berhubung dangan kesan brek yang ditanda 'E' dalam P1, tidak terdapat keterangan yang menunjukkan dengan positif bahawa kesan brek itu datangnya dari tayar kiri motor treler seperti yang dikatakan oleh SP1. SP1 di dalam pemeriksaan balas ada menyatakan bahawa dia berpendapat kesan brek datangnya dari motor treler sebab ia adalah kesan baru. Tetapi apabila ditanya kenapa satu kesan sahaja dia menjawab:

> Semasa elak, defendan cuba brek, tayar kiri kuat dan buat kesan. Percaya saja.

Tidak terdapat apa-apa keterangan berhubung dengan pemeriksaan yang telah dijalankan ke atas motor treler yang menunjukkan bahawa brek sebelah kanannya tak berfungsi pada masa yang berkenaan yang menyebabkan breknya makan sebelah sahaja.

Berpindah kepada kerosakan-kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan, SP1 menyatakan:

> Kerosakan motor pajero:
>
> Keseluruhan bahagian depan rosak semua sekali termasuk bumbung. Cermin pecah.
>
> Kerosakan motor treler:
>
> Bumber depan kiri bengkok. Tangki air kemek di depan tengah.
>
> Kerosakan banyak depan kiri. Yang lain tak dapat periksa kerana rapat dengan motor pajero dan malam.

Tidak ada laporan pemeriksaan kenderaan yang dikemukakan di dalam kes ini. Dari gambar motor pajero, ternyata sekali bahawa bahagian depannya rosak sama sekali. Gambar bahagian depan motor treler tidak dikemukakan. Oleh itu, mahkamah terpaksa bergantung kepada keterangan-keterangan saksi berhubung dengan kerosakan yang dialami oleh motor treler. Pada keseluruhannya, kedua-dua pihak bersetuju bahawa kerosakan kepada motor treler adalah seperti yang dinyatakan oleh SP1. Berdasarkan kepada kerosakan-kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan, saya bersetuju dengan hakim sesyen bahawa perlanggaran berlaku di antara bahagian hadapan motor pajero dengan bahagian kiri depan motor treler. Mengambil kira keterangan SP1 bahawa kesan tayar adalah kesan tayar kiri motor treler, maka pecahan kaca sepatutnya berada di sebelah berhampiran dengan kesan tayar bukan di sebelah kanan. Ini menguatkan lagi pendapat bahawa kesan tayar yang ditanda 'E' tidak mungkin datangnya dari tayar motor treler itu. Daripada kerosakan-kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan, ia adalah selaras dengan cerita defendan tentang bagaimana perlanggaran telah berlaku.

Selain dari itu, daripada kerosakan yang dialami oleh motor pajero tidak dapat dinafikan bahawa pada masa perlanggaran berlaku ia sedang dipandu dengan begitu laju sekali di dalam keadaan jalan yang menurun. Ini menyokong cerita defendan yang motor pajero itu di dalam keadaan yang tidak terkawal sebaik sahaja sebelum kemalangan berlaku. Oleh itu saya berpendapat, keputusan hakim sesyen bahawa cerita defendan adalah 'lebih berkemungkinan atau ia adalah apa sebenarnya berlaku' tidak seharusnya diganggu oleh mahkamah ini. Tugas mahkamah rayuan telah dijelaskan di dalam banyak kes yang telah diputuskan sebelum ini. Cukuplah bagi saya memetik kata-kata Gopal Sri Ram HMR di dalam kes *Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung & another appeal* [1997] 2 MLJ 465 di ms 470:

> The totality of Mr Royan's attack against the learned judge's finding against the first ground is really based on judicial appreciation of evidence to which the audio visual advantage rule applies. The complaints made by Mr Royan are, I think, sufficiently met by the following passage in the speech of Lord Shaw in *Clarke v Edinburgh Tramways Co* [1919] SC (HL) 35 at p 36:
>
> > 'When a judge hears and sees witnesses and makes a conclusion or inference with regard to what on balance is the weight of their evidence, that judgment is entitled to great respect, and that quite irrespective of whether the judge makes any observations with regard to credibility or not. I can of course quite understand a Court of Appeal that says that it will not interfere in a case in which the judge has announced as part of his judgment that he believes one set of witnesses, having seen them and heard them, and does not believe another. But that is not the ordinary case of a cause in a court of justice. In courts of justice in the ordinary case, things are much more evenly divided; witnesses without any conscious bias towards a conclusion may have in their demeanour, in their manner, in their hesitation, in the nuance of their expressions, in even the turns of the eyelid, left an impression upon the man who saw and heard them which can never be reproduced in the printed page. What in such circumstances, thus psychologically put, is the duty of an appellate court? In my opinion, the duty of an appellate court in those circumstances is for each judge of it to put to himself, as I now do in this case, the question: Am I — who sit here without those advantages, sometimes broad and sometimes subtle, which are the privilege of the judge who heard and tried the case — in a position, not having those privileges, to come to a clear conclusion that the judge who had them was plainly wrong? If I cannot be satisfied in my own mind that the judge with those privileges was plainly wrong, then it appears to me to be my duty to defer to his judgment.'
>
> I must confess my own inability to locate a clearer statement reflecting the duty of an appellate court in a case where findings of fact are asked to be reviewed.

Berdasar kepada autoriti di atas, di dalam keadaan kes ini, mahkamah ini tidak sewajarnya mengetepikan keputusan hakim sesyen berhubung dengan soal fakta.

Saya juga bersetuju dengan keputusan hakim sesyen bahawa di dalam keadaan kes ini pihak plaintif telah gagal membuktikan kesnya di atas imbangan kebarangkalian. Di dalam kes tuntutan yang berdasarkan kepada

A kecuaian defendan, tidak harus dilupakan bahawa beban pembuktian adalah senantiasa terletak kepada plaintif untuk membuktikan bahawa defendan telah berlaku cuai (lihat kes *Ng Chui Sia v Maimon bte Ali* [1983] 1 MLJ 110).

Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya menolak rayuan plaintif
B dengan kos.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Eugene Lee

C

D

E

F

G

H

I